

DBKL roboh struktur kekal tanpa permit

KUALA LUMPUR - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) merobohkan struktur kekal tanpa permit yang sah dalam dua operasi bersepadu di Blok E, Kelompok Pinang E, Jalan 30/56, Setiawangsa dan Lot 80981, Rizab Kawasan Lapang, Jalan Bullion Mewah di Mukim Batu di sini.

Menurut DBKL dalam satu kenyataan, tindakan diambil menerusi Jabatan Penguatkuasaan bersama Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Integriti serta Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta.

Turut terlibat dalam operasi bersepadu bagi merobohkan struktur tambahan pada Khamis itu ialah Jabatan Pelesenan dan Pembangunan

Perniagaan serta Pejabat Cawangan Setiawangsa dan Pejabat Cawangan Batu.

“Operasi dijalankan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 serta di bawah Kanun Tanah Negara 1965,” menurut DBKL di laman Facebook.

Beberapa agensi lain turut terlibat, antaranya Polis Diraja Malaysia, Indah Water Konsortium, Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Tenaga Nasional Berhad serta Syarikat Bekalan Air Selangor.

“Pihak DBKL akan meneruskan tindakan dan pemantauan dari masa ke masa di lokasi tumpuan yang telah dikenal pasti,” menurut kenyataan tersebut.



Dua operasi bersepadu dijalankan di Blok E, Kelompok Pinang E, Jalan 30/56, Setiawangsa dan Lot 80981, Rizab Kawasan Lapang, Jalan Bullion Mewah di Mukim Batu.